

**Dr M: Matlamat sektor swasta hanya keuntungan
Malaysiakini.com
November 01, 2010**

Kerajaan mungkin dalam hala menyerahkan ekonomi negara ini kepada sektor swasta tetapi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai keraguannya.

Ditanya pandangannya berhubung Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dipacu oleh sektor swasta, Dr Mahathir berkata ia tidak seharusnya diserahkan semata-matanya kepada mereka kerana matlamat sektor swasta adalah hanya untuk mendapatkan keuntungan.

"Pasaran bebas adalah umpama agama iaitu tidak ada sesiapa yang boleh mempersoalkannya, meskipun ia gagal.

"(Sektor swasta) akan mewujudkan pelbagai dana bagi mengelakkan pelbagai halangan dan kecuali kerajaan memantau ini dan mengehadkan peranan sektor swasta, mereka akan cuba melarikan diri daripada peraturan," kata Dr Mahathir.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146986>